

19 KEMAHIRAN MEMBACA: PAKEJ BACAAN ASAS BAGI MURID DARJAH 1

Nurul Akhmar Elias
nurul_akhmar_elias@moe.edu.sg

Siti Rosmala Rahmat
siti_rosmala Rahmat@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Northland

ABSTRAK

Kemahiran membaca merupakan kemahiran asas bagi murid-murid sekolah rendah. Di peringkat sekolah rendah, kemahiran membaca dianggap penting untuk membolehkan murid mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dalam pelajaran. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan membaca dalam kalangan murid di peringkat Darjah 1. Berdasarkan tinjauan dan ujian diagnostik yang dijalankan, murid didapati menghadapi permasalahan dalam kemahiran membaca. Oleh itu kajian ini diusahakan bagi menangani masalah ini. Untuk menangani permasalahan tersebut, guru telah mengusahakan satu program pemulihan bacaan yang melibatkan penyertaan ibu bapa. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa murid mencapai prestasi yang baik dalam bacaan asas.

Kata kunci

Membaca, Fonetik, Bacaan Asas



PENGENALAN

Kemahiran membaca merupakan kemahiran asas yang penting untuk semua murid dalam memperoleh ilmu pengetahuan. Justeru, pengajaran asas membaca amat penting, tidak kira apa juga bahasa yang dipelajari, termasuk bahasa Melayu. Ramai ibu bapa yang beranggapan bahawa jika anak-anak mereka sudah terbiasa dengan bahasa Melayu di rumah, maka mereka tidak akan menghadapi masalah mempelajari bahasa Melayu di sekolah. Malangnya, tanggapan sesetengah ibu bapa terhadap pembelajaran bahasa Melayu, kurang tepat.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di peringkat awal, kemahiran asas membaca adalah sangat penting dan harus diberi perhatian, sebelum kemahiran-kemahiran yang lain diajarkan. Oleh itu, satu inisiatif telah diambil untuk menggunakan satu pendekatan yang khusus bagi membantu murid yang lemah untuk menguasai kemahiran membaca. Dengan menganjurkan program pemulihan membaca bersama penglibatan ibu bapa, adalah diharapkan agar tahap kemahiran membaca murid tersebut akan meningkat dan selanjutnya dapat membantu mereka menguasai kemahiran-kemahiran berbahasa yang lain seperti mendengar, bertutur dan menulis.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti keberkesanan teknik membezakan bunyi, menyebut lambang huruf dan gabungan bunyi kata untuk membentuk perkataan dalam mempertingkat kemahiran asas membaca.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam mencari kaedah yang bersesuaian dengan profil murid, beberapa teknik membaca awal telah dirujuk. Profil murid menunjukkan bahawa mereka semua telah lalui sekurang-kurang dua tahun pengalaman belajar di prasekolah. Namun, masih terdapat murid yang lemah membaca dalam bahasa Melayu. Murid tidak



mengetahui cara membaca dalam bahasa Melayu yang betul dan tidak menunjukkan minat untuk membaca.

Justeru, kami telah menyusun satu kaedah yang bersifat pemulihan bagi membantu murid memahami dan menguasai kemahiran membaca dengan lebih berkesan. Pendekatan yang digunakan ialah teknik membezakan bunyi, menyebut lambang huruf dan gabungan bunyi kata untuk membentuk perkataan. Beberapa bahan-bahan rujukan telah dikenal pasti untuk menjadi sebagai *manual* dalam proses melengkapkan kajian ini. Selain dari perkongsian idea rakan setugas, buku-buku khas untuk pendidikan para guru, seperti buku-buku Asas KBSR *Jilid 1 dan 2* serta buku *Siri Pendidikan Guru Bahasa Melayu II* dijadikan rujukan.

KAJIAN LEPAS

Yahya (2005) menyatakan bahawa membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan dan asas pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu pengetahuan. Tujuan membaca untuk memahami teks yang dibaca dan kandungan teks yang memberi makna kepada murid.

Menurut Zulkifley (2006), murid yang mempunyai tahap kecerdasan yang rendah akan menunjukkan gangguan emosi seperti biadap dan kurang tumpuan terhadap pembelajaran. Fitur-fitur ini mempengaruhi kebolehan murid membaca.

Pine (1995) berpendapat bahawa kanak-kanak yang mempunyai masalah membaca mempunyai masalah untuk membuat decoding pada teks yang dibaca. Ini menyebabkan kadar kebolehbacaan mereka terjejas. Oleh itu, guru harus menangai masalah ini lebih awal agar murid ini dapat membina asas membaca dan merangsang minat mereka untuk terus membaca.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk eksperimental, iaitu untuk melihat sejauh mana keberkesanan pendekatan menggunakan teknik membezakan



bunyi, menyebut lambang huruf dan gabungan bunyi kata dengan menggunakan Pakej Membaca Darjah 1.

Untuk mendapatkan maklumat tentang permasalahan pembelajaran murid, guru telah menjalankan beberapa tinjauan dan ujian diagnostik pada permulaan Penggal 1. Kajian ini berlangsung selama dua penggal, iaitu dari bulan Januari sehingga bulan April.

Subjek Kajian

Bilangan murid Darjah 1 adalah seramai 23 orang. Namun setelah ujian diagnostik dijalankan pada awal Penggal 1, guru telah memilih seramai 13 murid sahaja untuk disertakan dalam kajian ini. Murid lelaki terdiri daripada 8 orang, manakala murid perempuan hanya 5 orang sahaja. Kesemua murid telah menghadiri prasekolah atau tadika selama dua tahun.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada borang soal selidik kepada para ibu bapa untuk mendapatkan maklumat latar belakang murid, iaitu latar belakang keluarga dan pendidikan prasekolah murid.

Selain borang soal selidik, ujian diagnostik telah digunakan untuk tiga tahap, iaitu:

1. Prauji Bacaan (di awal Penggal 1)
2. Asas Bacaan (di akhir Penggal 1)
3. Penilaian Membaca (di pertengahan Penggal 2).

Pakej Pelajaran Lisan Edisi (2010) merupakan hasil usahasama para guru bahasa Melayu dan telah digunakan oleh para guru dan juga murid, sejak tahun 2010. Namun, penggunaan pakej lisan tersebut adalah untuk murid di peringkat Darjah 3 hingga 6.

Berdasarkan maklum balas guru yang menggunakan pakej tersebut, kami dapatkan bahawa murid berpeluang mempelajari lisan dengan lebih interaktif. Latihan-latihan dapat dijalankan secara



kendiri oleh murid kerana pakej lisan tersebut menyediakan latihan-latihan yang melibatkan penglibatan ibu bapa dan rakan-rakan sebaya dan boleh dilakukan dengan mudah, di sekolah maupun di rumah.

Pakej lisan ini digunakan dengan melakukan beberapa penyesuaian bagi murid Darjah 1. Tumpuan diberikan pada kemahiran bacaan asas dan dinamakan Pakej Membaca Darjah 1.

Murid telah diuji dari segi teknik membezakan bunyi, menyebut lambang huruf, gabungan bunyi kata dan membaca ayat dan akhir sekali ujian membaca teks.

Prosedur Kajian

Di peringkat awal kajian, guru menjalankan ujian diagnostik bagi kesemua 23 murid Darjah Satu untuk mengetahui tahap kebolehan bacaan murid. Sebuah sampel teks bacaan telah digunakan bagi ujian diagnostik tersebut. Hasilnya menunjukkan tahap kebolehan membaca murid yang berbeza-beza; iaitu mereka yang boleh membezakan bunyi untuk menyebut lambang huruf dan menggabungan bunyi kata untuk menyebut perkataan.

Di peringkat Prauji membaca, murid menjalani ujian bacaan berikut:

1. Menyebut bunyi-bunyi huruf: $(1m \times 10 \text{ huruf}) = 10 \text{ markah}$
2. Menyebut gabungan suku kata untuk membentuk perkataan: $(2m \times 5 \text{ perkataan}) = 10 \text{ markah}$

Di akhir penggal 1, murid menjalani ujian Asas Membaca seperti berikut:

3. Membaca ayat: $(5m \times 4 \text{ ayat}) = 20 \text{ markah}$

Di peringkat akhir ujian ialah Penilaian Membaca yang dijalankan pada pertengahan Penggal 2. Butiran adalah seperti berikut:



4. Teks Pendek:	Sebutan	(20 markah)
	Nada	(10 markah)
	Kelancaran	(05 markah)
	JUMLAH	(35 markah)

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan *Pakej Membaca Darjah 1* telah merangsang minat yang mendalam semasa membaca bersama rakan sebaya dan ibu bapa di rumah. Pakej tersebut mengandungi borang senarai semak dan refleksi yang membolehkan murid menguji kebolehan secara kendiri dan dengan rakan mereka. Alat-alat motivasi seperti pelekat dan juga maklum balas guru serta ibu bapa telah merangsang pembelajaran murid, sama ada di dalam bilik darjah ataupun di rumah.

Berdasarkan maklum balas daripada para ibu bapa, pakej tersebut membolehkan ibu bapa memantau pembacaan anak-anak mereka dengan lebih jelas. Di samping itu juga, dengan adanya pakej tersebut, para ibu bapa berpeluang untuk duduk bersama-sama dengan anak mereka, setiap hujung minggu untuk belajar membaca.


Pencapaian murid dapat dilihat dalam Jadual 1 dan Rajah 1 di bawah ini berdasarkan penilaian membaca yang dijalankan dari Penggal 1 hingga Penggal 2. Berdasarkan Rajah 1, dapat dilihat bahawa peningkatan yang tinggi bagi empat murid (C3, D4, L12 dan M13), iaitu mereka mencatat peningkatan melebihi 10 markah. Bagi murid yang lainnya, terdapat peningkatan sedikit iaitu peningkatan di antara 2 hingga 4 markah. Dalam hal ini, murid tetap juga menunjukkan prestasi yang baik. Daripada dapatan ini, jelas menunjukkan keberkesanan kaedah yang dilaksanakan. Kemahiran murid membaca dalam kemahiran asas bacaan meningkat.



Jadual 1: Rekod Penilaian Membaca Murid


	Nama Murid	Penilaian Membaca 2	Penilaian Membaca 3	Beza Markah
No.		(35 markah)	(35 markah)	
1	A1	0	2	+2
2	B2	13	16	+3
3	C3	15	25	+10
4	D4	24	35	+11
5	E5	6	8	+2
6	F6	10	13	+3
7	G7	26	26	0
8	H8	0	2	+2
9	I9	32	32	0
10	J10	11	11	0
11	K11	28	32	+4
12	L12	19	33	+14
13	M13	5	15	+10

Rajah 1: Data Perbezaan Markah Penilaian Bacaan 1 dan 2



Rajah 2 yang berikut pula menunjukkan respons ibu bapa terhadap Pakej Membaca yang diperkenalkan. Secara keseluruhannya, ibu bapa mendapati Pakej Membaca telah memberi manfaat kepada anak-anak mereka.

Rajah 2: Respons Ibu Bapa tentang Pakej Membaca



Rajah 2 menunjukkan respons 13 orang ibu bapa terhadap *Pakej Membaca Darjah 1*. Secara keseluruhan, para ibu bapa telah menyambut baik Pakej yang digunakan untuk pembelajaran bacaan anak-anak mereka. 13 responden bersetuju 100%. Pakej membaca tersebut mudah digunakan dan meningkatkan motivasi anak-anak mereka untuk membaca. 84.6% ibu bapa bersetuju bahawa Pakej tersebut dapat memantau kelemahan bacaan anak mereka, manakala 76.9% berpendapat bahawa latihan yang disediakan di dalam pakej tersebut memadai. Namun, terdapat juga sebilangan ibu bapa, iaitu 38.4% yang mahu guru-guru menambah jumlah aktiviti dan latihan ke dalam *Pakej Membaca Darjah 1* tersebut.

KESIMPULAN

Penggunaan *Pakej Membaca Darjah 1* ini, telah dapat meningkatkan motivasi murid untuk gemar membaca dan bangga dengan kebolehan diri sendiri. Di samping itu, murid dapat melihat dan menilai prestasi bacaan rakan mereka semasa melakukan aktiviti berpasangan atau berkumpulan. Secara tidak langsung, murid akan terdedah kepada cara bacaan yang betul kerana pembelajaran membaca secara interaktif dapat membina pemahaman dan keyakinan diri yang tinggi.

Para ibu bapa turut meraih manfaat dengan adanya Pakej bacaan yang disediakan untuk anak mereka pada setiap hujung minggu. Peluang untuk bersama-sama membaca dan memantau pembelajaran anak mereka melalui aktiviti yang interaktif memang amat berharga.

Dengan hasil kerjasama guru dan ibu bapa, pembelajaran murid ini bukan sahaja terhad di dalam bilik darjah sahaja tetapi dilanjutkan juga di rumah, pada hujung minggu. Sokongan para ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak amatlah penting. Peranan guru pula memberi peluang untuk murid maju di sekolah.

Nota:

Guru-guru berikut turut terlibat dalam kajian yang dijalankan.

1. Yuanna Salamat
2. Siti Hajar Bujang

RUJUKAN

Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992. *Asas KBSR I*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992. *Asas Kemahiran Berbahasa KBSR Jilid 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Kamarudin Hj.Husin, 1996. *Pedagogi Bahasa*. Selangor Darul Ehsan: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Pinne I, G.S. (1995) Listening to Children Read. Washington: Department & Education, National Center for Education Statistics

Siti Hajar Abdul Aziz, 2009. *Bahasa Melayu II*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Yahya Othman (2005). *Trend dalam Penguasaan Bahasa Melayu*. PTS Publication and Distributions Sdn Bhd.

Zulkifley Hamid (2006). *Aplikasi Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. PTS

